

Parlimen: Sebanyak 177 Projek Perumahan Swasta Terbengkalai Sehingga Mei Lepas
Bernama
26 Jun, 2012

KUALA LUMPUR, 26 Jun (Bernama) -- Sebanyak 177 projek perumahan yang dibangunkan oleh pemaju swasta terbengkalai sehingga 31 Mei lepas, persidangan Dewan Rakyat diberitahu Selasa.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Lajim Ukin berkata daripada jumlah itu, 103 projek siap diduduki, 58 projek dalam proses pemulihan manakala bakinya masih di peringkat perancangan pemulihan.

"Kerajaan memandang serius permasalahan yang dihadapi pembeli projek perumahan terbengkalai dan komited dalam menyelesaikan projek-projek perumahan swasta terbengkalai.

"Kementerian telah melaksanakan pelbagai usaha dan tindakan bagi menangani isu projek perumahan terbengkalai," katanya ketika menjawab soalan Datuk Ismail Kasim (BN-Arau) yang ingin tahu bilangan projek perumahan swasta terbengkalai dan langkah kerajaan memulihkan projek itu.

Lajim berkata antara tindakan dan usaha kementerian bagi mengatasi masalah tersebut ialah mengenal pasti pemaju berkeupayaan dan berpengalaman untuk mengambil alih projek itu, melaksana pemulihan projek itu terutamanya kategori kos rendah dan sederhana.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=675836>